

Kelab myagrosis Membudayakan mahasiswa usm ke arah dunia keusahawanan

Kelab **MYAGROSIS** (**MY-** Malaysia, **AGRO-** Pertanian, **SIS-** siswazah) adalah kelab bagi siswazah dalam pelbagai bidang pengajian di IPTA yang berminat dalam bidang pengeluaran dan pemasaran pertanian dan agro-makanan.

Kelab ini pula bertujuan untuk melahirkan usahawan siswazah yang berkeyakinan, mempunyai daya saing yang tinggi dalam di dalam bidang pengeluaran serta pemasaran produk agro-makanan.

Objektif utama penubuhan Kelab MYAGROSIS adalah untuk memupuk minat kepada pertanian dikalangan siswazah IPTA, memberi pendedahan kepada siswazah tentang pertanian sebagai kerjaya pilihan utama. Selain itu juga ia memberi pendedahan kepada siswazah untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian sejajar dengan slogan “*Pertanian Adalah Perniagaan*” dan membantu meningkatkan keusahawanan pertanian kepada siswazah IPTA serta membentuk komuniti usahawan siswazah komersial yang lebih dinamik.

Bidang perniagaantani yang disyorkan terbahagi kepada 3 bahagian iaitu :

- Agro Ladang – Bidang perniagaantani di ladang(Perladangan , Perikanan Ternakan).
- Agro Niaga – Bidang perniagaantani peruncitan/perindustrian/pemerosesan, Pemasaran & Industri-tani.
- Agroinovasi – Bidang inovasi berasaskan sumber pertanian (Kreatif-tani). Ia melibatkan R & D dan inovasi ke atas produk Konvensional

Kelab Myagrosis USM/LPP telah ditubuhkan pada 1 Mei 2012 yang dianggotai seramai 320 ahli dan dikawal selia sepenuhnya di bawah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiah Pelajar, Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar

Kelab Myagrosis USM/LPP telah menerima peruntukan sebanyak RM 85,000.00 untuk projek K-Shoppe bawah program Agro-Niaga dan RM 50,000.00 untuk projek tanaman cendawan dibawah program Agro- Ladang.

JALINAN KERJASAMA DI ANTARA MOHE DAN MOA

Hasil idea penubuhan MYAGROSIS turut membawa jalinan kerjasama diantara Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bagi membolehkan proses pemindahan teknologi pertanian adalah mengikut kepakaran jabatan/agensi (mentor) di dalam MOA kepada para mahasiswa yang sedang menuntut di IPTA ke arah menjadi usahawantani moden.

JABATAN / AGENSI (Mentor Pemindahan Teknologi Pertanian)	UNIVERSITI (IPTA) (Kelab MYAGROSIS)
Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)	Universiti Sains Malaysia (USM)

AHLI JAWATANKUASA MyAGROSIS USM



AKTIVITI RASMI

Nama aktiviti : Pembersihan rumah cendawan Kelab MyAgrosis

Tempat : Rumah Cendawan Kelab MyAgrosis

Tarikh : Setiap 2 minggu

Tujuan aktiviti : Membersihkan kawasan sekeliling rumah cendawan daripada lalang daan sampah sarap. Selain itu, kerja-kerja pembuangan bongkah-bongkah cendawan yang rosak dan dijangkiti kulat hijau akan dijalankan.

Faedah aktiviti : Menggalakkan kerjasama di antara ahli-ahli kelab MyAgrosis tanpa mengira skop tugas sama ada agro ladang mahupun agro niaga. Bukan itu sahaja, kerja-kerja ini juga dapat menjamin dan memastikan rumah cendawan kelab MyAgrosis sentiasa bersih dan bongkah-bongkah cendawan bebas daripada serangan kulat hijau. Hal ini secara tidak lansung menjamin kesegaran dan kebersihan cendawan tiram kelabu yang dihasilkan.

	<p>Bongkah cendawan yang telah dijangkiti kulat hijau dan bongkah-bongkah ini akan dibuang agar tidak menjangkiti bongkah-bongkah yang lain.</p>
-------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------



Kerja-kerja pembersihan lubang bongkah sedang dijalankan untuk mengelakkan lubang bongkah daripada tersumbat dan menghalang anak benih cendawan daripada keluar dan bercambah.

Aktiviti lain sepanjang kerja-kerja pembersihan:



Nama aktiviti : Sesi kemasukan bongkah cendawan ke dalam Rumah Cendawan Kelab MyAgrosis

Tempat : Rumah Cendawan Kelab MyAgrosis

Tarikh : Setiap hari Jumaat (2 minggu sekali)

Tujuan aktiviti : Memenuhi rumah cendawan dengan bongkah untuk menambah hasil tuaian cendawan tiram kelabu di masa akan datang. Aktiviti ini akan terus dijalankan sehingga sasaran untuk memasukkan 6000 bongkah ke dalam rumah cendawan ini tercapai. Kemasukan bongkah ini akan dijalankan selama 6 peringkat. Setiap peringkat akan memasukkan 1000 bongkah dalam satu-satu masa.

Faedah aktiviti : Kemasukan bongkah ini memerlukan sepenuh tenaga daripada ahli kelab MyAgrosis dan hal ini menggalakkan sikap saling bekerjasama di antara semua pihak. Bukan itu sahaja, keadaan ini membolehkan pengeluaran hasil cendawan dapat ditingkatkan lagi.

 A photograph showing four individuals working in a large greenhouse. They are hanging numerous brown, cylindrical mushroom spawn bags from a metal frame. The bags are suspended in rows, filling the background. The workers are dressed casually, with one person in a purple headscarf and another in a red shirt.	Proses penggantungan bongkah sedang dijalankan menggunakan teknik gantung.
-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------



Majlis tertinggi dan pembantu exco yang bertungkus lumus dalam memastikan kemasukan bongkah cendawan berjalan lancar.

Aktiviti yang dijalankan sepanjang proses kemasukan bongkah :



AKTIVITI KELAB

Nama perniagaan : Aida Chocs Enterprise

Tempat : Bandar Tasek Mutiara

Pengusaha : Pn. Zuraida bt. Saibon

Jumlah penyertaan: 20 orang ahli kelab

Tarikh: 8 Mac 2013

Tujuan Lawatan : Untuk mengetahui dan mendalami ilmu dalam perniagaan dan melihat proses perniagaan ini dijalankan .

Faedah lawatan : Para pelajar dapat melihat pemprosesan coklat , pembungkusan dan daya pemasaran coklat semasa

	<p>Para pelajar sedang diberi taklimat ringkas oleh Puan Zuraidah mengenai kedai coklat nya. Di kedai ini terdapat 30 jenis coklat dan kebanyakannya coklat di sini mengikut cita rasa pelanggan . Setiap setahun sekali Puan Zuraidah akan memeriksa semula produk dari keluaran kedainya bagi memastikan kualiti coklat yang dihasilkan adalah sama seperti keluaran yang sebelumnya . Di kedai ini mempunyai 2 orang pekerja dan akan terdapat shif malam sekiranya menerima tempahan yang banyak dari pelanggan .</p>
	<p>Berikut adalah tempat pemprosesan dan penyimpanan coklat . Bahkan tempat pembungkusan juga dijalankan di sini . Suhu bilik amat di jaga agar coklat tidak cair dan kualiti coklat adalah terjamin . Pada setiap cuti semester juga menurut Puan Zuraidah ada beberapa orang pelajar universiti akan bekerja di kedainya .</p>



Puan Zuraidah bersama para pelajar menunjukkan salah produk coklat dari kedai tersebut . Sebelum beransur pulang, para pelajar juga sempat bergambar dengan Puan Zuraidah.

Nama perniagaan : Fertigasi

Tempat : PPK Seri Pulau

Jumlah penyertaan: 20 orang ahli kelab

Pengusaha : Encik Mohd Yahya

Tarikh: 8 Mac 2013

Tujuan Lawatan : Untuk mengetahui dan mendalami ilmu dalam perniagaan dan melihat proses perniagaan ini dijalankan .

Faedah lawatan : Para pelajar dapat melihat dan mempelajari cara-cara penanaman cili secara fertigasi dan penjagaan pokok cili melalui kaedah ini .



Ini adalah kawasan fertigasi yang diusahakan oleh Encik Yahya . Fertigasi beliau telah masuk fertigasi fasa keempat dan sewaktu para pelajar tiba melihat fertigasi fasa ketiga yang dalam proses pelupusan . Ini kerana pokok cili di fasa akhir tidak dapat mengeluarkan cili yang bermutu lagi dan sekiranya tidak dibuang ia akan mendatangkan pelbagai perosak yang mungkin akan mengganggu fertigasi cili fasa keempat .



Ini pula adalah sebahagian daripada kawasan fertigasi yang baru bermula, fasa fertigasi keempat . Setiap semaihan akan diletakkan satu pancang atau kayu dimana tujuan pancang ini untuk menyokong struktur pokok daripada terbalik akibat dari angin yang kuat atau dari berat buah cili yang bakal tumbuh . Selain terdapat juga setiap paip kecil atau lebih dikenali sebagai *dripper* yang bertujuan menyalurkan air dari tangki terus ke tanaman cili .



Manakala ini adalah tempat di mana anak semaihan cili akan diletakkan di tempat lindungan hujan atau cuaca buruk . Setelah anak pokok sudah matang ia akan di pindahkan ke dalam polibeg dan diberi baja ,racun dan air yang secukupnya menggunakan tangki air yang telah ditetapkan secara automatik .

Nama perniagaan : Mazz Terminal Ice Blendz

Tempat : Bandar Tasek Mutiara

Jumlah penyertaan: 20 orang ahli kelab

Pengusaha : Abdul Halim bin Haji Shareff

Tarikh: 8 Mac 2013

Tujuan Lawatan : Untuk mengetahui dan mendalami ilmu dalam perniagaan dan melihat proses perniagaan ini dijalankan .

Faedah lawatan : Para pelajar akan dideahkan bagaimana pemprosesan serbuk ‘ice blender’ dan minuman seperti kopi herba dan minuman tenaga .



Ini adalah Encik Abdul Halim selaku pengusaha perniagaan ini menerangkan produk-produk yang dihasilkan dari kedai beliau . Selain dari ice blender beliau juga turut mengeluarkan minuman herba dan minuman tenaga untuk lelaki dan wanita . Di sini terdapat pelbagai jenis minuman dengan pelbagai perisa yang sesuai untuk pengguna . Bahkan minuman jenis jus buah-buahan tropika juga dihasilkan oleh perusahaan ini .



Antara minuman yang dihasilkan dari kedai Ecik Abdul Halim . Minuman ini juga mendapat sambutan yang amat mengalakkam dari pelanggan beliau . Minuman seperti coklat ini juga datang dengan perisa yang lain seperti strawberi . Ini kerana ia akan menambah perasa dan menjadi daya tarikan pelanggan untuk mencuba perisa ini. Pada mulanya perniagaan ini di mulakan dengan ice blender namun minda seorang ahli niaga beliau sentiasa kreatif dalam merancang mengembangkan lagi perniagaan ini .



Minuman seperti kordial berdasarkan dari buah-buahan juga dihasilkan dan dijual . Bahkan bagi perniagaan ice blended yang semakin mendapat tempat di hati pelanggan , beliau mengembangkan lagi dengan membuka peluang bagi peniaga baru untuk memulakan perniagaan dengan menyediakan gerai ice blender yang fleksibel.

Nama perniagaan : Annysha Maju Enterprise

Tempat : Sungai Nibong Besar

Jumlah penyertaan: 20 orang ahli kelab

Tarikh: 8 Mac 2013

Pengusaha : Hajah Zaurin

Tujuan Lawatan : Untuk mengetahui dan mendalami ilmu dalam perniagaan dan melihat proses perniagaan ini dijalankan .

Faedah lawatan : Para pelajar akan melihat pemprosesan muruku dan cara-cara penyediaan sehinggalah ke pembungkusan dan pemasaran .



Ini adalah Hajah Zaurin atau lebih selesa di panggil dengan gelaran 'Mami' merupakan seorang pengusaha Muruku ikan, Muruku sotong, Muruku Udang, Sos Cili Padi, Kuah Rojak sotong kangkung dan Biskut Raya . Sangat ramah dan tidak lokek dalam memberi ilmu . Puan Zaurin juga mempunyai sebuah kilang yang memproses muruku dan mampu mengeluarkan dalam kuantiti yang banyak pada satu-satu masa . Oleh itu keperluan pelanggan dapat dipenuhi .



Di atas rak ini antara produk-produk yang dikeluarkan sendiri dari syarikat Puan Zaurin . Produk ini juga telah berjaya diedarkan hampir ke seluruh Malaysia dan produk makanan beliau boleh didpati di setiap cawangan atau kedai yang terpilih di seluruh negara .



Nama perniagaan : Jeruk Pak Ali

Tempat : Pulau Pinang

Pengusaha : Encik Alias bin Ali

Jumlah penyertaan: 20 orang ahli kelab

Tarikh: 8 Mac 2013

Tujuan Lawatan : Untuk mengetahui dan mendalami ilmu dalam perniagaan dan melihat proses perniagaan ini dijalankan .

Faedah lawatan : Para pelajar dapat belajar asal-usul jeruk yang terkenal hampir di seluruh Malaysia dan melihat bagaimana pembuatan jeruk dilakukan .

	<p>Ini adalah Encik Alias bin Ali merupakan pengusaha Jeruk Pak Ali dan juga merupakan anak kepada Pak Ali pengasas perusahaan ini . Encik Alias mula berkecimpung dalam perniagaan jeruk selepas tamat belajar dari sebuah Universiti namun setelah tamat belajar peluang pekerjaan masih tidak diperoleh . Manakala Bapanya Pak Ali menyuruh menjaga kedai dan menjalankan perniagaan sendiri namun setelah beberapa lama perniagaan jeruk yang mendapat konsistensi dalam perniagaan yang diceburi beliau . Sehingga hari ini Jeruk Pak Ali menjadi satu simbol dan cenderahati yang menjadi kemestian setiap pengunjung luar dari Pulau Pinang mahupun dari luar negeri</p>
	<p>Kini penjenamaan jeruk telah diluluskan oleh JAKIM dan mendapat pengesahan halam di setiap pembungkusan jeruk ini . Pelajar juga berpeluang melawat dan membeli belah di Muzium Jeruk Pak Ali . Setiap bulan syarikat Encik Alias akan menghasilkan 100 tan jeruk bagi menampung keperluan pelanggan dan syarikat beliau juga mendapat sokongan daripada FAMA , PEDA , Kementerian Pertanian Malaysia dan Pengguna .</p>



Nama perniagaan : Sri Balqis Cookies

Tempat : Balik Pulau

Pengusaha : Wan Balqis Bt. Ibrahim

Jumlah penyertaan: 20 orang ahli kelab

Tarikh: 9 Mac 2013

Tujuan lawatan : Untuk mengetahui dan mendalami ilmu dalam perniagaan dan melihat proses perniagaan ini dijalankan .

Faedah lawatan : Dengan adanya lawatan ke tempat bakeri kek dan pastri ini dapat membuka minda pelajar dan melihat kaedah pembuatan kek dan pastri dan terus di jual kepada pengguna .



Puan Wan Balqis merupakan salah satu kejayaan bumiputera dalam bidang bakeri . Beliau memulakan perniagaan dengan separuh dari wang sendiri dan separuh lagi dipinjam oleh pihak PPKSP . Beliau bukan sahaja membuat pastri turut menjualnya sendiri di bahagian hadapan kedainya . Beliau mempunyai 3 orang pekerja dan dua orang akan bekerja di bahagian dapur dan seorang akan menjaga di bahagian hadapan kedai iaitu kedai kek dan pastri.



Ini adalah salah satu pastri yang dihasilkan dari perusahaan beliau . di bahagian dapur ini memiliki 4 jenis mesin yang diberi pinjaman geran oleh pihak PPKSP kepada beliau . Antara mesin itu ialah ketuhar , mesin membuat doh , pengadun dan mesin pencanai doh. Untuk pengetahuan , pembuatan durian crepe adalah asal daripada idea Puan Wan Balqis sendiri .



Manakala di bahagian depan kedai ini beroperasi sebagai tempat jual beli dan tempahan kek dan pastri . Bahkan Puan Wan Balqis juga mengambil kuih-kuih tradisional yang diletakkan oleh penduduk setempat dan mengambil tempahan untuk hantaran perkahwinan . Menurut pekerja beliau apabila musim perayaan dan musim perkahwinan mereka tidak menang tangan mengusahakan tempahan pelanggan . Minda kreatif Puan Wan Balqis patut di puji dan berharap perniagaannya akan lebih berkembang kelak .

Nama perniagaan : Pertubuhan Peladang Kawasan Seri Pulau (PPKSP)

Tempat : Balik Pulau

Pengusaha : PPK Seri Pulau

Jumlah penyertaan: 20 orang ahli kelab

Tarikh: 9 Mac 2013

Tujuan Lawatan : Untuk mengetahui dan mendalami ilmu dalam perniagaan dan melihat proses perniagaan ini dijalankan .

Faedah lawatan : Pelajar akan didedahkan kaedah cendawan ditanam dan penjagaan yang diperlukan untuk mendapatkan kualiti cendawan yang terbaik .

	<p>Ini adalah tempat di mana pihak PPKSP menunjukkan kaedah penanaman cendawan dan medium yang digunakan untuk menanam cendawan . Cendawan di ambil melalui kaedah tisu kultur dan medium yang digunakan pula adalah gandum atau jagung dan kapas . Kemudian setelah tisu kultur cendawan sudah siap maka tisu kultur itu akan dimasukkan dalam medium dalam bekas plastik khas yang berbentuk seperti botol .</p>
	<p>Cendawan memerlukan tempat yang sejuk ,teduh ,dan lembap . Oleh penjagaan cendawan memerlukan ketelitian dan penjagaan yang rapi .Jenis cendawan yang selalu di hasilkan ialah cendawan tiram . Dalam setiap satu bekas cendawan mampu membuat 6 kali kitaran dan setiap kitaran cendawan boleh menccah 500 gram . Sistem penyimpanan cendawan diletakkan di dalam sebuah bilik khas .</p>



Kaedah untuk menyusun cendawan ialah kaedah tali yang dikatakan lebih tahan lama dan mampu menyipan lebih banyak cendawan dalam satu masa . Bahkan kaedah ini juga mampu menjimatkan kos membeli kayu yang dikatakan kos penyelenggaraannya yang memakan kos . Untuk pengetahuan semua cendawan tidak memerlukan racun mahupun baja untuk menjaganya .

Nama perniagaan :Pertubuhan Peladang Kawasan Seri Pulau (PPKSP)

Tempat : Balik Pulau

Pengerusi : Tuan Haji Hamzah bin Md. Ali

Tujuan Lawatan : Untuk mengetahui dan mendalami ilmu dalam perniagaan dan melihat proses perniagaan ini dijalankan .

Faedah lawatan : Pelajar akan lebih mengenali latar belakang PPKSP dan objektif ditubuhkan.



Ini merupakan Pertubuhan Peladang Kawasan Seri Pulau (PPKSP) dan merupakan pertubuhan peladang satu-satu di bahagian pulau pinang jika dibandingkan di bahagian Seberang Perai yang mempunyai 9 cawangan. Objektif PPKSP ialah memajukan kepentingan ekonomi dan sosial atau kebajikan ahli-ahli atau unit-unit ahlinya .



Pelajar di beri taklimat awal oleh Pengerusi PPKSP Tuan Haji Hamzah bin Md . Ali .Beliau mengalu-alukan kedatangan kami dan seterusnya salah seorang kakitangan PPKSP iaitu Encik Syamsul menerangkan jenis pinjaman dan tujuan pinjaman ini diberikan kepada usahawan . Beliau juga menunjukkan contoh usahawan yang telah berjaya hasil dari usaha mereka dan bantuan PPKSP telah berikan kepada mereka . Bahkan PPKSP juga ada menjalankan projek mereka sendiri iaitu tanaman cendawan , dan sayur-sayuran .



Nama aktiviti : Kursus Asas Penanaman Cendawan dan Kawalan Penyakit

Tempat : PPK Seri Pulau

Penganjur : LPP dengan kerjasama USM

Jumlah penyertaan: 20 orang (Exco dan ahli Kelab Myagrosis)

Tarikh: 8 September 2013

Tujuan Lawatan : Memberi tunjuk ajar kepada ahli kelab MyAgrosis mengenai penanaman cendawan tiram kelabu selain memberi pengetahuan kepada ahli mengenai teknik gantung yang baru digunakan di dalam rumah cendawan.

Faedah lawatan : Exco kelab dapat mempelajari teknik gantung selain daripada rak kayu yang digunakan di dalam rumah cendawan. Selain itu, kami juga diajar cara-cara untuk membuat bongkah penanaman cendawan dari peringkat awal sehingga kepada proses penuaian. Ahli turut dapat merasai pengalaman memetik sendiri cendawan segar daripada rumah cendawan yang terdapat di situ.



Ahli dan exco yang telah menjalani kursus asas penanaman cendawan dan teknik gantung yang dijalankan.



Encik Rahim, pengusaha rumah cendawan di PPK Seri Pulau selaku pengajar sepanjang kursus dijalankan. Beliau turut berkongsi pengalaman sepanjang menguasahkan rumah cendawan tersebut.

Aktiviti-aktiviti sepanjang kursus dijalankan:





Nama aktiviti : Seminar Pembudayaan Keushawanan Pelajar Baru USM

Tempat : Dewan Tuanku Syed Putra, DTSP

Tarikh : 12 September 2013

Tujuan aktiviti : Memperkenalkan kelab MyAgrosis kepada pelajar tahun pertama dan menggalakkan mereka menyertai kelab ini.

Faedah aktiviti : Penambahan ahli baru dalam kelab MyAgrosis.



Barisan exco yang menjayakan seminar pembudayaan keusahawanan pelajar baru yang mewakili MyAgrosis.



Yang DiPertua kelab MyAgrosis, Nur Aktika sedang menyampaikan ucapan dan memperkenalkan kelab MyAgrosis kepada pelajar tahun satu.



Booth kelab MyAgrosis yang dibuka untuk pendaftaran ahli dan pembukaan akaun.

Aktiviti sepanjang seminar:



Nama aktiviti : Lawatan tidak rasmi Naib Canselor dan Timbalan naib Canselor USM ke rumah cendawan kelab MyAgrosis

Tempat : Rumah Cendawan Kelab MyAgrosis


Tarikh: 13 September 2013

Tujuan aktiviti: Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor melakukan tinjauan lawatan ke rumah cendawan kelab MyAgrosis.

Faedah aktiviti : Menaikkan semangat ahli kelab MyAgrosis untuk meneruskan lagi usaha membangunkan rumah cendawan kelab MyAgrosis.



Exco bersama-sama Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor.



Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor melihat sendiri bongkah cendawan di dalam rumah cendawan kelab MyAgrosis.

Nama aktiviti : Pesta Konvo USM 2013

Tempat : Tapak Pesta Konvo USM Pulau Pinang

Tujuan aktiviti : Memberi tunjuk ajar kepada ahli kelab MyAgrosis tentang asas keushawanan secara praktikal.

Faedah aktiviti : Memberi peluang kepada ahli kelab berniaga di samping menambah pendapatan untuk kelab MyAgrosis.

Aktiviti sepanjang pesta:



Nama aktiviti : Lawatan ke Projek ‘Touch Point’ Cendawan PPK Seri Pulau

Tempat : PPK Seri Pulau

Jumlah penyertaan : 20 orang

Tarikh : 24 September 2013

Tujuan lawatan: Projek ini diharap dapat menjadi motivasi bagi Exco dan Ahli Kelab untuk memantapkan lagi projek di masa akan datang. Selain itu, ia memberi gambaran secara jelas bahawa tanaman cendawan juga boleh dijalankan bukan sahaja di rumah cendawan yang khas, tetapi boleh juga dilaksanakan di sekolah dan juga di rumah

Faedah lawatan : Memberi peluang kepada exco dan ahli kelab terdedah kepada aktiviti luar yang melibatkan penyertaan mereka secara langsung.



Tempat majlis pelancaran projek ‘Touch Point’ dijalankan.



Lawatan ke Projek 'Touch point' Cendawan di PPK Seri pulau berakhir dengan Ketua pengarah LPP Kuala Lumpur Tuan Haji Salim bin Sulaiman merasmikan projek ini dan seterusnya menyampaikan 'Touch point' cendawan (simbolik) kepada lima buah sekolah yang berdekatan dengan Seri Pulau dan salah satu daripadanya adalah dari sekolah khas. Selain itu, pihak PPK Seri Pulau bersama Tuan Haji Salim bin Sulaiman wakil Ketua Pengarah LPP Kuala Lumpur sempat menziarahi projek Myagrosis USM iaitu rumah cendawan dan KShoppe.

Aktiviti sepanjang perasmian projek :



Nama aktiviti : Hari Interaksi MyAgrosis

Tempat : Taman Belia Pulau Pinang

Penganjur : Exco Kelab MyAgrosis

Jumlah penyertaan : 23 orang

Tarikh : 26 Oktober 2013

Tujuan aktiviti : Memberi pendedahan kepada pembantu exco yang baru dilantik dalam bekerjasama sebagai satu pasukan semasa berada bersama-sama dengan ahli dan exco yang lain. Selain itu, aktiviti ini bertujuan memperkenal pembantu exco dengan exco yang telah lama berada di dalam kelab. Aktiviti yang dijalankan bertujuan mengeratkan ukhuwah sesama ahli kelab agar dapat membantu kelab bersama-sama menaikkan nama kelab MyAgrosis.

Faedah aktiviti : Menggeratkan hubungan silaturrahim antara exco dan membantu exco yang baru dilantik.

	Barisan exco dan pembantu exco yang telah menjayakan hari interaksi kelab MyAgrosis.
--	--------------------------------------------------------------------------------------



Aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang hari :



Nama aktiviti : Kursus Skim Keusahawanan Siswa 2013

Tempat : De' Baron Resort, Langkawi

Tarikh : 6-8 November

Jumlah penyertaan : 9 orang (4 exco dan 5 pembantu exco)

Tujuan aktiviti : Kursus Skim Asas Keusahawanan Siswa 2013 adalah satu Program Keusahawanan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia. Program ini membuka peluang kepada siswa siswi untuk merasai sendiri pengalaman sebagai seorang usahawan. Program berlangsung selama 3 hari 2 malam (6-8 November 2013) di De Baron Resort Langkawi.

Faedah aktiviti : Exco dan pembantu exco yang menyertai kursus ini dapat mengaplikasikan ilmu dan maklumat yang diperolehi dalam agro ladang dan Kshoope.



Peserta yang menjalani kurus asas keushawanan bersama dengan ahli kelab MyAgrosis.



Exco dan pembantu exco yang menyertai kursus asas keushawanan di Langkawi.

Aktiviti sepanjang kursus antaranya ialah Bisness Pitching :



Nama aktiviti : Lawatan MyAgrosis USM/LPP ke Hari Peladang , Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK2013)

Tempat : Stadium MPK Kuantan, Pahang

Tarikh : 8-9 November 2013

Jumlah penyertaan : 40 orang

Tujuan lawatan: Memberi pendedahan kepada ahli kelab mengenai pelbagai perusahaan yang dijalankan di seluruh negeri. Selain itu, lawatan ini memberi peluang kepada ahli untuk

mengenali pengusaha yang menjalankan pelbagai projek pertanian dan penternakan di Malaysia. Hal ini demikian kerana HPPNK kebangsaan mengumpulkan semua peladang dan penternak seluruh Malaysia.


Faedah lawatan : Ahli kelab dapat megenali dan mendapat peluang bersua muka dan berkenalan dengan semua yang terlibat di dalam bidang perladangan dan penternakan.



Ahli kelab MyAgrosis yang menyertai lawatan ke HPPNK 2013.

Aktiviti sepanjang lawatan :





Nama aktiviti : Sembang Santai, Secangkir Kopi, Sepotong Roti

Tempat : Dataran Usahawan Siswa

Tarikh : 20-22 November 2013

Tujuan aktiviti : Menggerakkan hubungan antara semua siswa siswa yang menjalankan perniagaan di dataran siswa di samping mendengar permasalahan pelajar di dalam USM.

Faedah aktiviti : Membuka peluang kepada pelajar meluahkan masalah yang dihadapi di dalam USM kepada pihak yang berkenaan agar masalah tersebut dapat diatasi. Selain itu, pelajar juga dapat mengenali antara satu sama lain semasa program ini dijalankan.

	<p>Yang Dipertua MyAgrosis, Nur Aktika menyampaikan cenderahati kepada Naib Canselor USM, Dato' Omar Osman semasa beliau meluangkan masa di dataran pada malam terakhir program sembang santai diadakan.</p>
	

Nama aktiviti : Lawatan Istimewa ahli kelab MyAgrosis dari Kampus Kejuruteraan


Tempat : Rumah Cendawan Kelab MyAgrosis USM

Tarikh: 1 Disember 2013

Tujuan aktiviti : Menggalakkan pembukaan branch MyAgrosis di kampus kejuruteraan di samping memperkenalkan projek cendawan yang dijalankan di kampus induk. Di keempatan itu

juga, mereka dibawa melawat ke rumah cendawan serta mempelajari cara-cara memetik cendawan dengan teknik yang betul.

Faedah aktiviti : Pelajar dari kampus kejuruteraan dapat belajar cara-cara menguruskan rumah cendawan di samping mengeratkan hubungan antara pelajar kampus induk dengan kampus kejuruteraan.

	<p>Yang DiPertua MyAgrosis, Nur Aktika sedang menunjukkan cara-cara penuaian cendawan menggunakan teknik yang betul kepada pelajar dari kampus kejuruteraan.</p>
	<p>Pelajar dari kampus kejuruteraan mencuba teknik penuaian yang betul setelah ditunjuk ajar oleh ahli kelab MyAgrosis.</p>

Aktiviti lain sepanjang lawatan:



Nama aktiviti : Jamuan Akhir Semester 1 Sidang Akademik 2013/14 Kelab MyAgrosis

Tempat : Dataran Usahawan Siswa, berhadapan Kshoppe

Jumlah penyertaan : 30 orang

Tarikh : 27 Disember 2013

Tujuan : Memberi penghargaan kepada semua exco dan pembantu exco kelab yang telah bertungkus lumus bekerja sepanjang sidang. Selain itu, majlis Jamuan ringkas, Bacaan Yassin sempena musim peperiksaan yang bakal menjelang tidak lama lagi berjalan dengan lancar. Kami juga turut meraikan Team Agroladang dan Kshoppe dengan pemberian gaji di atas komitmen dan

kesungguhan dalam membangunkan kelab. Majlis ini turut meraikan Mantan Exco-Exco Kelab Myagrosis USM yang bakal menjalani Latihan Industri pada semester hadapan.



Majlis Tertinggi MyAgrosis USM bersama Pembantu Exco Kelab dan Pegawai Penyelaras Kelab dari Lembaga Pertubuhan Peladang, Encik Mazlan Mohamad.



Antara yang turut hadir ialah Pegawai Penyelaras dari Lembaga Pertubuhan Peladang yakni Encik Mokhtar dan Encik Mazlan.